

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ORDER PAPER

<http://www.parlimen.gov.my>

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

HARI KHAMIS, 22 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 7-100235
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pemilik pajak gadai mengeluarkan resit kepada pemajak barang kemas apabila membayar wang semasa menebus barang itu. Jika tidak apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan resit dikeluarkan.
2. 38-100278
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah mengawal AIDS dalam masyarakat dalam institusi keluarga yang ada anggotanya yang menjadi pembawa virus HIV dan wajarkah mereka dibiarkan mewujudkan risiko dalam keluarga.
3. 25-100245
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah Pendaftar Syarikat meluluskan pendaftaran "Falun Dafa Research Centre Sdn. Bhd." sedangkan Kementerian Perdagangan Hal Ehwai Dalam Negeri tidak meluluskan pendaftarannya pada tahun 2002 kerana syarikat ini adalah serpihan kepada Pertubuhan Falun yang telah diharamkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China.
4. 42-100241
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes ragut yang telah dilaporkan dalam tempoh setengah tahun pertama ini. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memerangi kes-kes ragut yang berleluasa sejak kebelakangan ini.
5. 44-100110
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi merealisasikan salah satu objektif Dasar Wanita Negara iaitu memastikan 30% perwakilan wanita dalam setiap institusi pembuat keputusan. Sejauh manakah pencapaiannya sehingga kini khususnya di peringkat Kerajaan itu sendiri.

6. 26-100186
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rasionalnya beliau menyatakan bahawa gaji minima tidak harus diperkenalkan di negara ini dan terpulang kepada kuasa pasaran untuk menentukan gaji pekerja.
7. 37-100115
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang memberikan insentif potongan cukai kepada para syarikat yang menjalankan program " R & D " dalam sektor pertanian.
8. 22-100207
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan supaya amaun bayaran keuntungan tahunan (annual dividen) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada penyumbang-penyumbang dapat dipertingkatkan.
9. 18-100025
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan telah diambil terhadap kes-kes penderaan pembantu rumah yang semakin menjadi-jadi dewasa ini.
10. 39-100321
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membantu petani-petani memasarkan hasil buah-buahan mereka yang sekarang melebihi permintaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk membantu mereka dengan memberi subsidi pertanian bagi mengurangkan beban kerugian mereka.
11. 23-100102
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bolehkah pihak Kementerian memberi ruang sekurang-kurangnya satu jam sehari (365 jam setahun) bagi siaran Bahasa Siam di Radio Malaysia Perlis (RMP) dan Radio Malaysia Kedah (RMK) supaya 60 ribu Orang Siam Malaysia boleh mengikuti perkembangan berita-berita, dasar-dasar/sebarang pengumuman Kerajaan melalui saluran ini dan bukan hanya mengikuti siaran-siaran radio dari Thailand sahaja.
12. 45-100132
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah graduan yang dilahirkan oleh Institut Pertanian di seluruh negara antara 1995 hingga 2003, dan berapakah daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam industri tani moden.
13. 49-100356
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERDAGANGAN**

- ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah peratusan kilang-kilang terutamanya dari Amerika Syarikat yang beroperasi di Malaysia dan berapakah peratusan hasil-hasil yang dieksport semula ke Amerika Syarikat.
14. 29-100385
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kempen kitar semula yang dijalankan oleh pihak Kementerian berjaya mencapai matlamatnya.
15. 30-100227
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan walaupun pemegang polisi insurans nyawa boleh membeli banyak polisi insurans tetapi apabila membuat tuntutan hanya boleh menuntut dari polisi sahaja. Mengapakah perkara ini berlaku.
16. 52-100397
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi Kerajaan terhadap cadangan penggabungan semula BURSA MALAYSIA dan SINGAPORE EXCHANGE.
17. 21-100169
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan untuk menaik taraf kemudahan yang tidak cukup dan sesak di Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu.
18. 41-100064
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang rancangan untuk menangani kebimbangan terhadap peningkatan masalah sosial di kalangan remaja di negara kita.
19. 46-100135
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kelab malam dan karaoke yang beroperasi secara sah di seluruh Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya)
20. 15-100418
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah sumbangan dan sokongan pihak Kementerian terhadap Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai tujuan ataupun objektif khusus untuk membantu kaum wanita di negara ini terutamanya mereka yang terlibat ataupun mangsa kes-kes dera.
21. 10-100294
Datuk William Lau Kung Hui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- dalam usaha Kerajaan menghapuskan gejala rasuah apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil yang menampakkan keberkesanan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan adakah wujud perancangan untuk memberikan BPR lebih kebebasan untuk menjalankan pendakwaan yang tersendiri tanpa mendapatkan restu dari Peguam Negara.
22. 27-100348
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi memastikan kebajikan atlit-atlit seperti Datuk Azhar bin Mansor, Datuk Abdul Malik bin Maidin dan lain-lain yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia sentiasa terjaga pada masa-masa akan datang.
23. 9-100272
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi memantau tugas kakitangan KEMAS di seluruh negara bagi memastikan segala dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
24. 49-100362
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengenai tindakan Kerajaan Sabah yang telah mengeluarkan arahan kepada enam 'resort operators' iaitu Borneo Divers, Pulau Sipadan Resort, Sipadan Dive Centre, Syarikat Rami Benar, Borneo Sea Adventures dan PB Borneo Safari supaya meninggalkan Pulau Sipadan.
25. 39-100329
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik jenayah ragut yang telah dilaporkan dan berapakah jumlah kes yang telah di bawa ke mahkamah dan apakah usaha bagi menangani kes ragut yang kian menular itu.
26. 51-100089
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan unit apartment rumah guru yang telah siap mengikut negeri-negeri dan bilangan yang tidak diduduki kerana lokasinya tidak bersesuaian.
27. 26-100192
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menurunkan kadar tol Lebu Raya New Pantai Expressway (NPE) (RM1.60 sehalu) dengan memanjangkan

- tempoh konsesi operator lebuhraya tersebut yang mana secara tidak langsung ia akan menggalakkan rakyat menggunakan lebuhraya tersebut.
28. 7-100228
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah warga Malaysia yang tinggal di rumah setinggan dan apakah rancangan Kerajaan setakat ini untuk mewujudkan setinggan sifar di negara ini.
29. 35-100041
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perkembangan terbaru mengenai 200 kontena sisa toksid yang dibawa masuk ke Johor yang telah menimbulkan kekeliruan di antara Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kastam.
30. 38-100265
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah mengawal kaum wanita tempatan dieksploitasi dalam iklan-iklan tertentu sehingga menggambarkan mereka bukan wanita yang berbudaya timur.
31. 48-100005
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan oleh kerana sambutan baik rakyat terhadap cadangan perlantikan Ketua Eksekutif yang berkebolehan untuk memimpin syarikat-syarikat yang mana Kerajaan memegang kepentingan (GLC) dan bukan dihadkan kepada bumiputera sahaja, adakah perlantikan ke IPTA juga akan mengikut dasar ini.
32. 25-100253
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan mengapakah radio rasmi Kerajaan Radio 5 yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar telah diminta untuk menyiarkan sebuah lagu Bahasa Melayu setiap sejam untuk diudarkan. Apakah tujuan dasar ini dan adakah Kementerian bercadang untuk menarik balik arahan ini kerana ramai pendengar tidak berpuashati.
33. 20-100061
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan peminjam dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan sejak Skim Pinjaman Kredit Mikro dilancarkan mengikut kaum dan jantina serta apakah masalah-masalah yang dikenalpasti dalam usaha mengutip kembali pinjaman yang telah diberikan kepada pemohon.

34. 10-100299
Datuk William Lau Kung Hui minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah permohonan yang masih belum diluluskan oleh Kementerian bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara di mana orang awam diberitahu bahawa setiap permohonan untuk pasport antarabangsa hanya mengambil masa selama 3 jam sahaja untuk dikeluarkan walaupun terdapat satu kes yakni seorang pemohon terpaksa menunggu lebih dari 9 bulan dan kes-kes lain pula pemohon terpaksa menunggu selama 6 bulan adalah suatu perkara biasa.
35. 5-100365
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam usaha untuk memperbanyakkan hospital-hospital Kerajaan dan adakah perkara utama iaitu menyediakan penjagaan kesihatan yang mampu bagi golongan berpendapatan rendah di ambil berat dan kualiti perkhidmatan yang tidak terjejas.
36. 37-100113
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini mengenai penggabungan bank-bank dan syarikat-syarikat insurans di negara ini sebagai usaha Kerajaan memantapkan lagi sektor kewangan dan insurans domestik untuk menghadapi persaingan era liberalisasi pasaran.
37. 9-100285
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru lelaki di sekolah-sekolah di seluruh negeri.
38. 27-100343
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian menyedari bahawa kakitangan yang bertugas di Rumah Perlindungan Kanak-kanak masih tidak cukup dan menyebabkan banyak penderaan fizikal dan mental secara senyap berlaku kepada penghuninya. Jika

benar, apakah tindakan Kementerian bagi mengatasinya;
dan

- (b) adakah Kementerian boleh memberi kelonggaran syarat untuk membenarkan bayi yang dijumpai atau berada di rumah kanak-kanak diberi kepada keluarga angkat yang memerlukannya dengan kadar segera tanpa menunggu giliran yang terlalu lama.
39. 17-100036
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyenaraikan sepuluh pencapaian utama dalam peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam setakat ini dan apakah sasaran seterusnya dan langkah pemantauan yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan lagi mutu sistem tersebut di setiap Kementerian.
40. 35-100039
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan nisbah pelajar perempuan dan lelaki di IPTA dan IPTS mengikut pecahan bangsa di Malaysia. Sekiranya pelajar perempuan terlalu ketara melebihi pelajar lelaki, apakah perancangan dan kajian Kementerian dibuat atas sikap pelajar lelaki ini sama ada mereka ini tidak berminat untuk belajar atau lain-lain faktor tertentu.
41. 9-100301
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menangani dan memastikan negara ini bebas dari bahan toksid dari luar.
42. 4-100210
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk meluaskan semua programnya ke sektor perladangan kerana pada masa sekarang sektor itu tidak termasuk dalam sektor bandar atau luar bandar.
43. 5-100371
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapakah pihak Kerajaan masih lagi mengimport sayur-sayuran dan bijirin daripada luar negara sedangkan kita mempunyai tanah yang subur dan apakah tindakan jangka panjang dan pendek yang diambil bagi mengurangkan pengangkutan import hasil pertanian tersebut daripada negara luar.

44. 40-100180
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peruntukan tambahan sebanyak RM10 billion yang dibuat oleh Kerajaan melibatkan pertambahan kepada kos pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun di Sarawak.
45. 38-100258
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil Kerajaan bagi mengatasi ancaman penyakit padi di samping ancaman serangga termasuk ulat gulung daun yang mengancam sawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).
46. 20-100079
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengalami kerugian berjuta-juta ringgit akibat perbuatan vandalisme yang telah dilakukan oleh peserta Program Latihan Khidmat Negara.
47. 13-100199
Tuan Udam @ George Adam bin Talek minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan bekalan elektrik disalurkan kepada penduduk luar bandar, khususnya di Sarawak telah terlaksana dan bilakah rancangan ini dapat disempurnakan sepenuhnya, supaya penduduk di kawasan pedalaman dapat menikmati kemudahan ICT seperti mana yang diseru oleh pihak Kerajaan sebelum ini.
48. 18-100010
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang kekalahan calon Malaysia bagi merebut kerusi Setiausaha Agong OIC di Turki baru-baru ini.
49. 39-100334
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang boleh diambil dengan negara-negara jiran bagi mewujudkan acara sukan bola sepak serantau yang dapat diiktiraf dan bertaraf antarabangsa seperti sambutan yang diberikan kepada Euro 2004.
50. 19-100156
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan

- tambang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) lebih mahal berbanding tambang sistem penerbangan seperti GARUDA dan lain-lain kerana rasionalnya, pengguna akan memilih penerbangan yang lebih murah.
51. 14-100307
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menambahkan pendapatan para pekerja ladang yang mana berada di bawah garis kemiskinan.
52. 31-100152
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa kebanyakan graduan-graduan sekarang yang masih belum mendapat perkerjaan (Unemployed) adalah mereka yang tidak fasih dalam Bahasa Inggeris. Sebagai cara mengatasi perkara tersebut adakah Kerajaan bercadang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai "medium of instruction" untuk kursus-kursus relevan di semua kolej dan universiti di seluruh negara.
53. 34-100377
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah kemasukan pelajar mengikut kaum yang mengikuti pengajian ijazah di seluruh IPTA dan IPTS dalam bidang Kedokteran, Kejuruteraan, Arkitek, Akauntan dan Peguam dari tahun 1995 sehingga 2003 dan berapakah pula daripada mereka (mengikut kaum) yang gagal menamatkan pengajian dan berapakah jumlah unjuran keperluan tenaga mengikut bidang-bidang tersebut untuk keperluan negara sehingga tahun 2010.
54. 43-100158
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (b) berapakah jumlah Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia yang mempunyai program pra sekolah dan yang belum ada; dan
 - (b) adakah semua guru pra ini terlatih dalam bidang ini.
55. 47-100092
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan segala pendekatan yang telah diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah penagihan dadah. Apakah rasionalnya Kerajaan mensasarkan tahun 2015 sebagai sifar dadah berdasarkan kemampuannya membendung masalah ini sehingga kini.
56. 53-100232
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah permohonan permit teksi dari pemohon persendirian dan

berapakah yang telah diterima. Nyatakan bilangan kaum dan pecahan umur bagi bilangan yang berjaya itu.

57. 52-100396
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria pemilihan yang diterapkan oleh Khazanah di dalam pemilihan Ketua Eksekutif Government Link Companies ataupun GLC's.
58. 50-100408
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) jumlah kes ragut yang dilapor sejak tahun 2000 dan bilangan yang berjaya diselesaikan; dan
 - (b) apakah langkah pencegahan jangka pendek dan berterusan yang dirancang.
59. 17-100034
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada kajian dibuat tentang daya tahan dan daya saing antara Malaysia dengan Thailand, Singapura dan Negara China. Apakah kelebihan dan kelemahan Malaysia dalam kajian tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

2. (D.R.8/2004) Rang Undang-undang Racun MakhluK Perosak (Pindaan) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [21 Julai 2004]**

3. (D.R.11/2004) Rang Undang-undang Kumpulan Bacaan Kali Yang Wang Pinjaman Perumahan Kedua (Pindaan) 2004

4. (D.R.1/2004) Rang Undang-undang Perbekalan “ Tambahan (2003) 2004

5. 45-100144

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan, khususnya Perbadanan Putrajaya supaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan didaulatkan sepenuhnya di Putrajaya selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Dewan ini melahirkan rasa kesal dengan penggunaan istilah-istilah asing seperti perkataan "precint" di Putrajaya sehingga menjejaskan kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berjiwa kebangsaan yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan sepatutnya memastikan bahasa kebangsaan didahulukan dalam semua penggunaan, kecuali jika tidak terdapat perkataan bahasa Melayu atau bahasa serumpun, barulah wajar bahasa asing digunakan. Dewan ini juga sangat kesal dengan kecuaiannya Kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Kebangsaan di pusat pentadbiran itu sehingga menjadi galakan yang boleh merosakkan bahasa Kebangsaan".

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2004</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Tahun 2002 (Telah Diaudit).	22 Julai 2004
ST.119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	22 Julai 2004
ST.120	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Akreditasi Negara Bagi Tahun 2002.	22 Julai 2004
ST.121	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia Tahun 2002 (Telah Diaudit)	22 Julai 2004
ST.122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	22 Julai 2004
CMD.34	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis 2003	22 Julai 2004